

08/12/2001

Gani Patail dilantik Peguam Negara

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Abdul Gani Patail, 46, dilantik sebagai Peguam Negara menggantikan Datuk Seri Ainum Mohd Saaid yang meletakkan jawatan atas sebab kesihatan, berkuat kuasa 1 Januari depan.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini berkata mengikut Perkara 145 (1) Perlembagaan Persekutuan, Timbalan Yang di-Pertuan Agong yang menjalankan fungsi Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melantik Gani berkuat kuasa 1 Januari.

Gani, berkelulusan Sarjana Muda Undang-undang dari Universiti Malaya, memulakan kerjaya dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan pada 1980 sebagai Timbalan Pendakwa Raya, Sabah.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Ketua Bahagian Penasihat dan Antarabangsa dan Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang sebelum dilantik Ketua Bahagian Pendakwaan di Jabatan Peguam Negara.

(END)